




# PARLIMEN MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI SELASA : 7 NOVEMBER 2017**




## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.8, NO.10, NO.12 HINGGA NO. 55 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



**SOALAN ( 8 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2017  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**SOALAN :**

**YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan negara, jika ada, bagi mengimbangi dasar pengeluaran tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah berbanding dengan sektor pengeluaran makanan bagi memastikan kepentingan negara terjamin.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan sektor pertanian negara secara seimbang sentiasa diberikan keutamaan oleh Kerajaan bagi memastikan pertumbuhan pembangunan dan ekonomi negara yang menyeluruh dan boleh dirasakan oleh segenap lapisan rakyat di Malaysia. Pada tahun 2016, sektor pertanian telah menyumbang sebanyak 8.1% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang mana subsektor komoditi industri menyumbang sebanyak 58% manakala subsektor agromakanan menyumbang sebanyak 42%. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, sektor pertanian diunjur berkembang sebanyak 3.5% setahun dengan pertumbuhan subsektor agromakanan sebanyak 5.4% dan subsektor komoditi industri sebanyak 2.3%.

Berdasarkan Laporan Ekonomi 2017/2018, sektor pertanian telah kembali pulih dan kadar pertumbuhan meningkat semula sebanyak 7.1% dalam tempoh separuh pertama 2017 berbanding -5.9% bagi tempoh yang sama pada tahun 2016. Pertumbuhan ini disokong oleh pemulihan ketara subsektor kelapa sawit dan getah, pengeluaran lebih

tinggi serta kenaikan harga komoditi tersebut. Ini juga didorong oleh inisiatif Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian dan juga Minyak Sawit dan Getah yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Sementara itu, subsektor berkaitan makanan seperti ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran juga meningkat didorong permintaan domestik yang lebih kukuh. Peningkatan subsektor ini turut disokong oleh pelbagai langkah Kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran makanan termasuk pembangunan projek infrastruktur pertanian dan penerusan program berimpak tinggi seperti estet padi, zon bersepadu akuakultur dan ternakan ikan sangkar. Pada 2017, KDNK sektor pertanian dijangka kembali melonjak kepada 5.6% (2016: -5.1%) terutamanya dipacu oleh subsektor kelapa sawit dan getah yang merangkumi 53.1% daripada sektor pertanian. Kenaikan ini juga didorong permintaan luar negara yang semakin meningkat kesan langsung lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke China pada tahun lepas telah membuka laluan untuk negara berjaya meningkatkan permintaan daripada negara China.

Sementara itu, subsektor berkaitan makanan dijangka terus menyokong pertumbuhan melalui penggunaan teknik pertanian moden dan permintaan yang lebih kukuh daripada industri pemprosesan makanan. Adalah menjadi fokus Kerajaan untuk peningkatan produktiviti dan tumpuan kepada aktiviti hiliran bernilai tinggi di dalam subsektor

5

agromakanan. Bagi tujuan ini, pelbagai inisiatif yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas contohnya penubuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Tuan Yang di-Pertua,

### **SUBSEKTOR AGROMAKANAN**

Pada masa ini pembangunan subsektor agromakanan dan komoditi industri adalah berpandukan dasar-dasar yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk memacu subsektor berkenaan bagi meningkatkan kecekapan, daya saing ekonomi dan pertumbuhan subsektor yang lebih baik. Pembangunan subsektor agromakanan adalah berpandukan kepada Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 yang bermatlamat bagi meningkatkan pengeluaran makanan untuk rakyat dan mengurangkan bilangan import.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara hala tuju strategik yang digariskan di bawah Dasar Agromakanan Negara dalam usaha meningkatkan jaminan bekalan makanan adalah dengan menumpukan kepada pengeluaran beras, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan bagi mencapai tahap sara diri (SSL) yang disasarkan. Pendapatan



petani juga turut diberikan fokus melalui strategi untuk melibatkan petani secara langsung di sepanjang rantai nilai manakala pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan.

### **SUBSEKTOR KOMODITI INDUSTRI**

Manakala, pembangunan komoditi industri pula dipacu berlandaskan Dasar Komoditi Negara 2011-2020 yang bermatlamat untuk meningkatkan eksport komoditi industri dan pembangunan keluaran pengilangan berasaskan sumber pertanian. Tumpuan Dasar Komoditi Negara adalah untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti di sepanjang rantai nilai industri komoditi, mengoptimumkan penggunaan sumber dan membangunkan produk-produk baharu bernilai tambah tinggi dan berorientasikan pasaran. Tumpuan pembangunan tidak terhad kepada tanaman sawit dan getah sahaja tetapi termasuk juga komoditi lain seperti lada, koko, sagu dan kenaf untuk menjana sumber pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara. Di bawah dasar ini juga pendapatan pekebun kecil diberi perhatian melalui strategi untuk meningkatkan produktiviti dan hasil kebun.

7

Kedua-dua dasar ini diterajui oleh dua Kementerian utama iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk agromakanan dan Kementerian Perusahaan dan Perladangan Komoditi untuk komoditi industri.

Kerajaan percaya, melalui pelaksanaan program, projek dan inisiatif yang menyokong sasaran kedua-dua dasar tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, pembangunan kedua-dua subsektor ini dapat diteruskan bagi menjamin pertumbuhan yang seimbang, selaras dengan kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

7 November 2017

**SOALAN NO: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]**  
**TARIKH : 7 NOVEMBER 2017**  
**SOALAN : 10**

**YB Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia menerima cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan bagi menjaga hal ehwal kebajikan profesional kesihatan.

**Tuan Yang DiPertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia pernah membuat cadangan kepada Kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan pada 27 Mei 2009. Walau bagaimanapun, cadangan ini diputuskan Kerajaan untuk ditangguhkan. Namun begitu, langkah bagi menjaga hal ehwal kebajikan profesional kesihatan perlu dilaksanakan.

9

Seiring dengan keputusan tersebut, Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan urusan perkhidmatan pegawai khususnya bagi Pegawai Perubatan. Antaranya adalah menerusi:

- (i) Penambahbaikan laluan kerjaya melalui urusan kenaikan pangkat secara *time based* kepada skim perkhidmatan Pegawai Perubatan mulai 9 Mac 2010. Bagi kenaikan pangkat Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai Pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun, mereka boleh dipertimbangkan terus ke Gred UD54. Manakala Pegawai Perubatan Bukan Pakar boleh dipertimbangkan ke Gred UD54 setelah berkhidmat selama 12 tahun tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan;
- (ii) Menambahbaik Bayaran Insentif Pakar daripada lingkungan RM1,400.00 hingga RM2,400.00 kepada lingkungan RM1,900 hingga RM3,100.00 mulai 1 Januari 2009. Peningkatannya adalah sebanyak RM500.00 hingga RM700.00;
- (iii) Menambahbaik kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-call*) (EKLWBB) (*Active Call*) (dengan izin) bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu RM230 pada hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am;
- (iv) Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai 2016 dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa

- pada 1 April 2017. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar;
- (v) Membenarkan Pegawai Perubatan Pakar membuat lokum di hospital swasta tertakluk kepada syarat-syarat tertentu;
  - (vi) Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes Pembedahan pada hari cuti umum (Sabtu) untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi Bayaran Insentif Khas (pembedahan elektif) pada kadar RM200 sejam;
  - (vii) Memperkenalkan *Full Paying Patient* (FPP) (dengan izin) di Hospital KKM sebagai sumber pendapatan tambahan kepada Pegawai Perubatan Pakar;
  - (viii) Menambahbaik kaedah kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar dengan memperkenalkan gred lapisan Pakar Perubatan UD56 mulai 1 Januari 2017;
  - (ix) Memberi peluang kepada Pegawai Perubatan Pakar melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran; dan
  - (x) Peluang latihan di luar negara bagi kursus jangka pendek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian dari semasa ke semasa akan memberi perhatian dan mengambil langkah dalam memastikan kebajikan profesional kesihatan terpelihara. Sehubungan itu, dengan mengambil kira langkah-langkah yang telah dilaksanakan Kerajaan, Kementerian berpandangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan (SPK) pada masa ini adalah tidak berbangkit. Walau bagaimanapun, sekiranya wujud isu-isu baru, Kementerian bersedia mengkaji semula cadangan ini.